



● ENCIK WARDI ABDUL SALAM

Aminuddin (Gayung), naib johan—Ruzaidi Mohamad Raman (Selangor), Kelas H: Johan—Azam Haji Abbas (Kelantan), naib johan—Azam Embong (Terengganu), Kelas I: Johan—Mohamad Fauzi Aziz (Kelantan), naib johan—Zulkifli Mohamad Salleh (Johor).

Pesilat terbaik Ahmad Wardi Salim 21 dari Melaka pernah mewakili Malaysia dalam pertandingan itu di peringkat antarabangsa di Jakarta pada tahun 1984. Beliau memenangi pingat gangsa bagi kelas B.



● ENCIK AZMI ABDUL MANAF

Beliau membabitkan diri dalam seni silat itu tujuh tahun lalu dan kini menjadi jurulatih kepada persatuan sejak dua tahun lalu dan dengan kemenangan itu beliau berazam mempertingkatkan mutu pencapaiannya. **B Minggu (M)**

Manakala pesilat harapan ialah Azmi Abdul Manaf 21 tahun, kini sedang menuntut di Maktab Perguruan Pasir Panjang Kuala Terengganu dan kali pertama mewakili negeri itu.

Beliau yang berasal dari Johor pernah mewakili Johor di peringkat

kebangsaan yang diadakan di negeri ini pada tahun 1985.

Menurutnya dengan kejayaan itu beliau berazam untuk meningkatkan lagi mutu pencapaian seni silat dan berharap akan mendapat peluang untuk menyertai kejuaraan yang lain di masa akan datang.

Menteri Besar Terengganu Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad merasmikan upacara itu manakala penutupnya oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Haji Awang Jabar.